



## جاتن کحاکیمن شرعیہ ملیسیا JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA

Aras 2 & 3, Blok D7, Parcel D,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62677 PUTRAJAYA

Tel: 03-8886 4800  
Fax: 03-8889 1627

---

JKSM/100-24/5 Jld. 3( 16 )

11 Jamadilakhir, 1426H/  
18 Julai, 2005M

Y.A.A. Ketua-Ketua Hakim Syarie  
Mahkamah-mahkamah Syariah  
Negeri-negeri

### Arahan Amalan No.2 Tahun 2005

Penjelasan Maksud Pegawai Agama Di Dalam Seksyen 47(5)  
Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984  
Atau Dalam Mana-Mana Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri-Negeri.

Saya ingin menarik perhatian Y.A.A kepada keputusan Mesyuarat Arahan Amalan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia Bil. 1 Tahun 2005 pada 10hb. - 12hb. April 2005 bersamaan 1hb. - 3hb. Rabiulawwal 1426H di Shah Alam, Selangor telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai arahan amalan berhubung maksud PEGAWAI AGAMA di dalam seksyen 47(5) Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 atau peruntukan yang sama dalam Undang-undang Keluarga Islam negeri adalah mana-mana Penjawat Awam di bawah Skim Pegawai Hal Ehwal Islam atau pegawai yang setaraf dengannya yang bertugas di Jabatan Agama Islam Negeri-negeri / Pejabat Agama Islam Daerah / lain-lain Jabatan yang berkaitan.

Arahan ini berkuatkuasa mulai 1 Ogos 2005.

(Datuk Sheikh Ghazali Bin Abdul Rahman)  
Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie  
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia